



SIARAN AKHBAR

MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ TAHUN 1446H/2025M KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 2 Sya'ban 1446H bersamaan dengan 1 Februari 2025M

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Tahun 1446H/2025M, yang diselenggarakan oleh Jabatan Perhutanan. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta disemarakkan dengan ceramah khas bertajuk 'Dari Dunia ke Sidratul Muntaha: Jejak & hikmah Perjalanan Kekasih Allah' yang disampaikan oleh penceramah undangan Yang Mulia Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Majlis Sambutan ini merupakan kegiatan tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menyemarakkan lagi sambutan Isra' dan Mi'raj serta memperingati peristiwa agung Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad Shalallahu 'Alaihi Wassalam disamping untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perhutanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 1 Februari 2025M